

ADAT MINANGKABAU DALAM NOVEL DAN FILEM TENGCELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK : ANALISIS TEORI SOSIOLOGI

(MINANGKABAU CULTURE IN THE SINKING SHIP OF VAN DER WIJCK NOVEL AND
FILM : ANALYSIS THEORY SOCIOLOGY)

Nur Elyana Binti Madah | Zairul Anuar Md. Dawam (PhD)
Faculty of Humanities, Arts and Heritage
University Malaysia Sabah
nurelyanamadah@yahoo.com

Abstrak

Kertas kerja ini menganalisis adat Minangkabau dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (2013) arahan Sunil Suraya yang merupakan adaptasi daripada novel Hamka. Analisis ini menggunakan kajian Teori Sosiologi yang memfokuskan kepada struktur kehidupan masyarakat Minangkabau asli dan masyarakat luar. Analisis ini dilakukan kerana adat Minangkabau yang menjadi latar masyarakat di dalam novel dan filem ini telah menjadi konflik utama cerita. Pegangan adat Minangkabau yang kukuh menyebabkan wujud rasa prasangka dan diskriminasi antara masyarakat yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Justeru kertas kerja ini akan menerapkan penelitian terhadap kekuatan dan keteguhan adat-adat Minangkabau yang dipaparkan dalam novel dan filem yang memberi kesan tema, konflik, watak dan perwatakan serta plot. Kertas kerja ini diharap dapat memberi penerangan mengenai adat Minangkabau dan kesannya kepada sosiologi masyarakat. Selain itu, ia juga dapat memberi panduan kepada penulis dan pembikin filem bagaimana adat boleh menjadi elemen penting dalam menjadikan sesebuah novel dan filem itu dapat menarik perhatian pembaca dan penonton.

Kata Kunci : Novel, Filem, Adat Minangkabau, Teori Sosiologi dan Penonton

Abstract

This project is to analyze a traditional Minangkabau film, namely Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (2013), a story extracted from Hamka the Novel, and directed by Sunil Suraya. This analysis focuses on the socioological theory and the structure of the original Minangkabau society, inward and outwardly. This analysis is conducted primary to study the indigenous Minangkabau society and its tradition and custom, which was the main conflict in the story. The strong traditional culture of Minangkabau causing a manifestation of prejustice and discrimination between people who have different customs. Therefore, this project is to carried out to study the strength and the foundation of the Minangkabau custom, which displayed in the novel and the film as the main theme, conflict, character and plots. This project aim to provide a better understanding of the Minangkabau custom and its impact on the society. Moreover, it can be the guideline for author and filmmaker regarding Minangkabau custom in order to attract more readers and audiences.

Keywords: Novel, Film, Minangkabau custom, theory of sociology and audience

2017 GBSE Journal

Pengenalan

Filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (2013)* arahan Sunil Suraya merupakan adaptasi daripada novel Hamka (1939). Karya ini berteraskan kepada persoalan adat Minangkabau dan perbezaan latar belakang sosial dalam masyarakat. Dalam novelnya, Hamka mengkritik beberapa tradisi yang dilakukan oleh masyarakat pada masa itu terutamanya soal kahwin paksa. Karya difokuskan kepada kehidupan masyarakat Minangkabau asli dan masyarakat luar di Padang Panjang, Batipuh, Makassar, Jakarta dan negeri lain di Indonesia. Pegangan adat Minangkabau yang kukuh menyebabkan wujud rasa *prasangka dan diskriminasi* antara masyarakat yang mempunyai latar belakang berbeza. Keteguhan dan keutamaan adat menjadi pemangkin dalam filem dan novel yang dapat ditonjolkan dengan baik oleh penulis mahupun pengarah filem kedua buah karya ini. *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* merupakan sebuah karya yang bersifat Indonesia secara keseluruhan dalam menerapkan budaya Minangkabau yang berbangsa ibu dengan baik (Teeuw, 1980). Kertas kerja ini berfokus kepada penelitian terhadap kekuatan dan keteguhan adat-adat Minangkabau yang dipaparkan dalam novel dan filem yang memberi kesan kepada tema, konflik, watak dan perwatakan serta plot. Selain itu memberi penerangan mengenai adat Minangkabau dan kesannya kepada sosiologi masyarakat.

Adat Minangkabau

Adat Minangkabau mempunyai adat serta ragam budaya yang tersendiri. Adat ini dikenali sebagai '*Adaik Basandi Syara' Basandi Kitabullah*' yang bermaksud adat berlandaskan agama islam dan Al Quran serta sunnah nabi Muhammad SAW. Adat Minang dapat dibahagikan kepada empat tahap dan dua kelompok utama. Adat pertama dikenali sebagai '*Adat Nan*

Sabana Adat yang bermaksud adat yang sebenarnya adat. Merupakan adat utama dan tidak boleh diubah yang berlandaskan agama Islam dan sunnah Rasulullah SAW. Seorang yang berketurunan Minang wajib beragama Islam dan sesiapa yang tidak melaksanakan adat tersebut dikatakan bukan sebagai orang Minang yang berpegang kepada adat.

Tahap kedua disebut sebagai '*Adat Nan diadatkan*' yang berasal dari ajaran Datuk Katumanggunguan dan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Adat ini merupakan aturan yang telah mendapat kata sepakat sejak dahulu lagi. Ia mengutamakan persukuan dari garis ibu dan nasab dari keturunan ayah iaitu *Matrilineal* (A Moeis Pandito Kaya, 1993). Kedua-dua adat ini diklasifikasikan sebagai adat nan ampek yang berdiri di atas adat nan babuhua mati iaitu adat yang disimpul mati (Idrus Hamiky, 2004). Ia dipanggil atau dikenali dengan kata keramat '*Nan indak lakang dek paneh, nan indak lapuk dek hujan, dibubuik indaknya layua, dianjak dindaknya mati*' yang bermaksud tidak lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan, dipindah tidak layu, dicabut tidak mati.

Adat Nan Teradat merupakan adat yang ketiga dalam minangkabau. Adat ini berasal daripada muafakat bersama antara penghulu ninik mamak, alim ulama, cendekiawan dan pemuda dalam suatu negeri. Adat ini disesuaikan dengan peredaran zaman tetapi masih mengekalkan ciri-ciri Islam dalam ragam budaya tersebut. Pelaksanaan daripada semua adat maka terhasilnya adat terakhir iaitu disebut sebagai '*Adat Istiadat*' (A Moeis Pandito Kaya, 1993). Dapat dilihat dalam konteks pelaksanaan silaturrahim, integrasi, komunikasi seperti acara perkahwinan dan acara pinang meminang. Adat istiadat ini berbeza di setiap negeri yang mengamalkan adat minangkabau tetapi tetap mengikut ajaran Islam (A Moeis Pandito Kaya, 1993). Kategori kedua adat ini pula dipanggil '*Adat Nan Babuhua*' yang didefinisikan sebagai aturan-aturan yang dibuat dengan kata muafakat oleh pemuka-pemuka adat di minangkabau di setiap negeri. Sifatnya boleh diubah asalkan mendapat kata sepakat (Idrus Hamiky, 2004).

Teori Sosiologi

Teori Sosiologi lahir pada tahun 1842 dan diperkenalkan oleh Aguste Comte dalam bukunya yang berjudul *The Positive Philosophy*. Sosiologi berkait rapat dengan perilaku manusia dalam konteks kemasyarakatan yang melihat kepada pemerhatian keadaan sekeliling. Aguste Comte menyatakan bahawa sosiologi merupakan ilmu positif masyarakat yang bersifat empirikal. Beliau mengkategorikan sosiologi kepada dua iaitu struktur masyarakat yang disebut sebagai statika sosial dan teori perkembangan serta kemajuan masyarakat yang dikenali sebagai sosial dinamik.

Teori ini turut disokong oleh Peter L. Berger (1963) yang menyebut bahawa sosiologi juga merupakan ilmu ataupun kajian mengenai hubungan di antara individu dan masyarakat. Ia bersifat empiris yang berlandaskan pengalaman, fakta dan dianalisis dengan kajian tertentu. Pendekatan sosiologi ini menjadi landasan untuk memahami dan menilai karya sastra dari aspek kemasyarakatan (Wiyatmi, 2008). Sosiologi adalah ilmu yang berkisar dan menyelidik tentang susunan-susunan dan proses kehidupan sosial sebagai suatu keseluruhan sistem

masyarakat. (Herbert Spenser, 1897). Disimpulkan bahawa teori ini berteraskan kepada realiti dan fakta sosial yang berlaku dalam masyarakat dan mengkaji sikap dan tingkah laku individu.

Analisis Teori Sosiologi (Adat Minangkabau dalam Novel dan Filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck)

Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck mengisahkan seorang pemuda bernama Zainuddin yang dianggap anak pisang kerana garis keturunannya yang tidak jelas. Novel dan filem ini bertemakan perbezaan adat dalam masyarakat. Adat yang ditonjolkan di dalam novel dan filem menjadi penanda aras yang menyebabkan kisah percintaan di antara Zainuddin dan Hayati tidak kesampaian dan berakhir dengan tragedi ngeri. Pendekar Sutan yang bernikah dengan wanita dari Makassar, ayah kepada Zainuddin menyebabkan dia tidak diakui sebagai anak minang. Akibat daripada amalan sistem *Matrilineal* di minangkabau Zainuddin menjadi pelarian di tanah moyangnya sendiri.

Dalam struktur masyarakat Minangkabau, organisasinya lebih berpusat kepada ibu dan dianggap istimewa kerana Indonesia sebagai unit kebudayaan kebangsaan memiliki lebih banyak kebudayaan etnik yang lebih menjurus kepada sistem patrilineal (Iskandar Kemal, 2008). Dalam petikan daripada novel dibawah dapat dilihat bahawa watak utama iaitu Hayati merupakan seorang wanita berbangsa Minang. Wanita berbangsa Minang mempunyai darjat yang tinggi dan menjadi kebanggaan warisan keluarga. Secara umumnya, aspek matrilineal di angkat tinggi dan wanita mempunyai kekuasaan dalam suku Minang.

“Harus hal itu saya tanyai, karena di dalam adat kami di Minangkabau ini kemenakan dibawah lindungan mamak. Hayati orang bersuku berhindu berkaum kerabat, dia bukan sembarang orang.”

Sumber : Novel Tenggelamnya *Kapal Van Der Wijck*, Hamka, 1939:55

Hayati yang menerima jolokan gadis Batipuh ‘*Keindahan Gunung Merapi Kebanggaan Keluarga*’ dijaga oleh bapa saudaranya atau dikenali sebagai Mamak yang merupakan Datuk Penghulu Adat di Batipuh. Kekuasaan Penghulu Adat menjadi pemangkin dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan kampung serta mengekalkan adat dalam menangani apa jenis masalah yang berlaku. Disebabkan Hayati merupakan keturunan tulen Minangkabau, dia menjadi kebanggaan keluarga dan masyarakat kampung di Batipuh. Hayati dipelihara dengan baik kerana dialah waris anak jati minang yang menjadi kemegahan keluarga kelak.

Manakala, Zainuddin yang berhasrat ingin mempelajari adat dan budaya suku ayahnya tidak diterima oleh keluarganya sendiri walaupun mereka mempunyai hubungan darah dari sebelah ayahnya. Disebabkan ibunya bukan berketurunan Minang maka Zainuddin tidak layak dianggap sebagai seorang yang berdarah Minang dan dianggap orang asing di tanah kelahiran

ayahnya sendiri. Dapat dilihat bahawa kekuasaan adat mengatasi aspek kekeluargaan di dalam penerapan adat Minangkabau. Hal ini dapat dilihat dalam petikan perbualan di dalam filem di antara Zainuddin dan makciknya Jamilah setelah dia datang dari Makassar ke Batipuh dan ingin menetap di kediaman keluarga sebelah ayahnya itu.

JAMILAH

*“Jadi baik bicarakan dulu dengan penghulu adat suku mande.
Begitulah cara kami menerima tamu di sini.”*



Sumber : Filem *Tenggelamnya kapal Van Der Wick* (2013)

Berdasarkan dialog di atas, jelas bahawa adat menyebelahi hubungan sebelah ibu yang merupakan adat tetap dan disanjung tinggi sehingga mengatasi hubungan kekeluargaan. Zainuddin dianggap sebagai pendatang luar dan kehadirannya harus dimaklumkan terlebih dahulu kepada Datuk Penghulu Adat. Apatah lagi Zainuddin dianggap sebagai orang luar dan bukan keturunan Minang. Selain itu juga, petikan emak saudara Zainuddin, Jamilah, di atas turut menunjukkan adat Minang berpegang teguh dan kukuh dengan kehadiran Datuk Penghulu Adat dalam kampung tersebut. Pemerintahan di setiap negeri merupakan sistem bertingkat yang dipimpin oleh seorang penghulu. Kata sepakat hendaklah dipersetujui oleh semua pihak yang termasuk dalam adat nan teradat. (Bustanul Ariffin, 1994).

Robert, M. Maclver (1917) mengemukakan bahawa kekuasaan dalam suatu masyarakat selalu berbentuk peringkat atau piramid. Ini terjadi kerana kenyataan bahawa kekuasaan yang satu membuktikan dirinya lebih unggul daripada yang lainnya. Jadi struktur piramid kekuasaan itu terbentuk oleh kenyataan dalam sejarah masyarakat bahawa golongan yang berkuasa itu relatifnya selalu lebih kecil jumlahnya daripada golongan yang dikuasai.

Status yang tidak setaraf dengan anak suku Minang menjadikan hubungan di antara Zainuddin dan Hayati dilarang oleh Datuk Penghulu Adat dan juga masyarakat kampung kerana ia akan menjatuhkan maruah dan merosakkan adat yang selama ini dipegang kuat dalam kehidupan seharian. Perbezaan status menurut adat Minang ini menjadi tema kepada novel dan filem ini. Menurut adat Minangkabau, gadisnya tidak boleh berkahwin dengan pemuda yang bukan berketurunan Minangkabau (Usman, 1953). Disebabkan itu jugalah Zainuddin tidak diterima dan dipandang rendah oleh masyarakat Minang sehinggakan dia dihalau keluar daripada Batipuh.

DATUK PENGHULU ADAT

“Hai Hayati! Jangan engkau ukur keadaan kampungmu dengan kitab-kitab yang engkau baca. Percintaan hamyalah khayal dongeng dalam kitab saja. Kalau bertemu dalam pergaulan hidup, cela besar namanya, merusak nama, merusak ninik mamak, rumah halaman.”

“Hai Upik, baru kemarin kau makan garam dunia, kau belum tahu belit-belitnya. Bukankah kau sembarang orang, bukan tampan Zainuddin itu jodohmu. Orang yang begitu tak dapat untuk menggantungkan hidupmu, pemenuh, pehiba hati, dan kadang-kadang panjang angan-angan. Di zaman sekarang haruslah suami penumpang hidup itu seorang yang tentu pencarian, tentu asal usul. Jika perkawinan dengan orang yang demikian langsung, dan engkau beroleh anak, ke manakah anak itu akan berbako? Tidak engkau tahu bahawa Gunung Merapi masih tegak dengan teguhnya? Adat masih berdiri dengan kuat, tak boleh lapuk oleh hujan, tak boleh lekang oleh panas.”

Sumber : Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Hamka. 1939:58

Dalam petikan perbualan dapat dilihat bahawa Datuk Penghulu Adat yang berperanan dalam menjaga keharmonian keluarga dan juga adat Minang menasihati Hayati bahawa Zainuddin tidak sesuai menjadi calon ataupun suaminya kelak. Selain daripada itu juga, Datuk Penghulu Adat memandang rendah akan Zainuddin yang dikenali sebagai seorang yang suka mengarang karya dan suka bersedih kerana nasib dirinya yang *seperti melukut di tepi gantang*.

Masyarakat memandang hina perhubungan antara Zainuddin dan Hayati sehingga menimbulkan fitnah dan kata-kata sinis dari penduduk kampung. Mereka meminta tindakan tegas diambil untuk menangani perkara tersebut. Petikan perbualan di antara Datuk Penghulu Adat dan pembantunya menguatkan lagi pegangan adat yang dibawakan dalam filem ini.

DATUK GARANG DAN PENGHULU ADAT

“Kita harus bertindak cepat, Datuk. Anak pisang itu berani mencemarkan adat suku kita!”

“Datuk, telinga den merasa terbakar mendengar kata-kata orang diluar sana. Inu tu berduaan dipondok. Kita suruh saja paliang habisin dia!”

“Datuk Garang! Tidak begitu cara orang Minang. Tidak guna kekerasan.”



Sumber : Filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wick* (2013)

Akhirnya disebabkan perbezaan tersebut, Tok Penghulu Adat yang berpegang teguh kepada adat Minang telah menyuruh Zainuddin keluar dari Batipuh. Ini bagi menjaga keamanan masyarakat tersebut yang penuh dengan adat dan melindungi Hayati daripada berkawan dengan Zainuddin. Ini juga selaras dengan peranan seorang ayah ataupun mamak dalam menjalankan tanggungjawab terhadap anak kemenakannya, terutama yang tertua iaitu Mamak, dianggap harus bertanggungjawab terhadap anaknya sendiri (Teeuw, 1980).

Pegangan adat yang kuat yang menimbulkan konflik ini, menyebabkan Zainuddin tersisih dari sosial masyarakat di Batipuh. Masyarakat Minang merasa terganggu dengan kehadiran orang luar dalam kalangan mereka. Zainuddin merasakan tiada siapa yang ingin berkawan dengannya melainkan Hayati sahaja. Berdasarkan dialog antara pemuda berbangsa minang dengan Zainuddin jelas dapat dilihat pegangan adat yang kuat dan utuh tidak mengecualikan sesiapa pun apabila menyentuh mengenai adat Minangkabau.

PEMUDA BERBANGSA MINANG

“Maaf Zainuddin, ini urusan kami, sebaiknya kamu tidak usah ikut-ikutan. Kau bukan orang Minang. Pergilah...”

Sumber : Filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wick* (2013)

Hubungan masyarakat Minang dengan orang yang tidak dianggap tidak bersuku menyebabkan perilaku mereka berubah sama sekali dalam konteks sosial. Zainuddin yang menjadi mangsa adat tersisih dari tanah nenek moyangnya sendiri. Dalam novelnya, Hamka menyatakan '*Bukanlah orang mencela perangnya, hanya yang dipandang kurang indah bangsanya. Alangkah kejamnya adat negeru kita ini, sahabatku*' (Hamka, 1939:38.).

Kepergian Zainuddin dari negeri Batipuh kerana diusir adalah untuk menjaga dan memelihara maruah keluarga yang berketurunan Minang. Jelas bahawa kekuatan adat melebihi segalanya sehingga tidak memikirkan perasaan orang lain yang menjadi mangsa adat. Hayati walaubagaimanapun dikahwinkan Aziz yang jelas keturunannya. Berdarah sejati Minang dan mempunyai kemampuan dari segi kewangan menyebabkan Mamak Hayati menerima lamaran Aziz. Ini seolah-olah untuk menunjukkan bahawa beliau berpegang kepada adat yang memilih suku kaum yang sama sebagai jodoh Hayati. Keputusan untuk menerima Aziz yang berdarah asli Minang serta memiliki harta dan berkemampuan tinggi juga demi menjaga maruah keluarga selepas isu hubungan Hayati dan Zainuddin menjadi buah mulut masyarakat setempat. Malah Hayati akhirnya memilih adat berbanding perasaan cintanya kepada Zainuddin. Dalam filem dan novel ini menunjukkan adat telah memberi kesan sebab dan akibat kepada perubahan sikap watak Hayati dan Zainuddin. Kesan sebab dan akibat ini menjadi plot cerita ini terus berkembang sehinggalah tragedi besar tenggelamnya kapal yang dinaiki oleh Hayati sehingga menyebabkan kematiannya.

Kesimpulan

Adat memainkan peranan penting dalam filem dan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Adat Minangkabau telah menjadi teras yang kuat dalam membentuk elemen naratif dalam filem dan juga novel. Kebanggaan adat dan kekuatan adat telah memberi kesan sosial masyarakat seperti perbezaan taraf sosial sehingga memberik kesan kepada perhubungan antara Zainuddin dan Hayati. Melalui kajian sosiologi ini juga dapat dilihat tingkah laku masyarakat Minangkabau yang mengutamakan adat berbanding hubungan persaudaraan yang dimiliki antara Zainuddin dan makciknyanya sendiri. Ini yang menyebabkan novel dan filem ini menjadi sebuah karya yang menarik minat pembaca dan penonton.

Bibliografi

- Auguste Comte. 1842. *The Postive Philosophy of Aguste Comte*. London: Trubner.
- Bustanal Arifin. 1994. *Budaya Alam Minangkabau*. Jakarta: Cv. Art Print.
- Effendi, Usman. 1953. *Satrawan-Sastrawan Indonesia*. Jakarta: Rakarta.
- Filem *Tenggelamnya Kapal Van Dar Wijck*. 2013. Sunil Suraya.
- Hamka. 1939. *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Herbert Spencer. 1897. *The Principle of Sosiology*. New York: D. Appleton and Company.

- Idrus Hamiky. 2004. *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: Pt Remaja Rosdakarya.
- Iskandar Kemal. 2008. *Pemerintahan Nagari Minangkabau dan Perkembangan. (Tinjauan Tentang Kerapatan Adat)*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Moeis,A. 1993. *Adat Nan Ampek: Pelajaran Dasar Adat Minangkabau*. Padang: PPIM.
- Robert M.Maclver. 1917. *Community: A Sociological Study*. London: Macmilan.
- Peter L. Berger. 1963. *Invitation to Sociology. A Humanistic Perspective*. New York: Anchor Book, Doubly & Company.
- Teeuw,A. 1980. *Sastra Baru Indonesia*. Surabaya : Nusa Indah.
- Wiyatmi. 2009. *Pengantar Kajian Sastra*. Yogyakarta: Pustaka.